



UCAPAN PERASMIAN
LAWATAN MENTERI SUMBER MANUSIA KE TAPAK
PEMBINAAN PARCEL F DAN MAJLIS PELANCARAN
GARIS PANDUAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)
DI INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN) 2017
OLEH
YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
MENTERI SUMBER MANUSIA

Tarikh : 28 Februari 2017 (Selasa)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Tapak Pembinaan Parcel F, Putrajaya

(Mohon semak protokol sebelum berucap)

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Putrajaya Holding Sdn. Bhd. dan Sunway Construction Sdn. Bhd. dalam menjayakan lawatan dan majlis pada pagi ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya melancarkan *Garis panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017*.

YBhg Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Kepentingan Industri Pembinaan

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sektor pembinaan merupakan antara industri terpenting yang menyumbang kepada ekonomi negara kita. Sektor ini dijangka akan menyumbang sebanyak 5.5% kepada KDNK dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

3. Pada tahun 2015, jumlah nilai projek-projek pembinaan telah mencapai RM126 bilion. Daripada jumlah ini, 38% atau 2,010 projek bernilai RM48 bilion adalah projek-projek kediaman dan 37% atau 2,602 projek bernilai RM46 bilion adalah projek-projek bukan kediaman. Selebihnya 21% atau 1,760 projek bernilai RM26 bilion adalah untuk projek-projek infrastruktur dan 4% atau 641 projek dengan nilai RM6 bilion untuk projek kemudahan sosial.

4. Sejak Rancangan Malaysia yang terdahulu RMK 10 hinggalah kepada Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11), pelbagai pembangunan infrastruktur telah di beri perhatian utama dalam usaha menyokong kepesatan ekonomi negara. Antara pelan yang terkandung dalam RMKe11 ialah mewujudkan infrastruktur bertaraf dunia untuk menyokong pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti. Ini merupakan usaha yang berterusan untuk menaik taraf infrastruktur fizikal dan menambah baik akses dan perhubungan. (Sumber : RMK11, EPU).

5. Malahan sejak bermulanya RMK 10 hinggalah sekarang dalam RMK 11, terdapat banyak projek bertaraf mega yang bernilai lebih RM500 juta telah dijalankan bagi memacu transformasi pembangunan dan kemajuan ekonomi negara. Terdapat projek yang telah berjaya disiapkan dan tidak kurang juga projek yang masih lagi sedang rancak dilaksanakan dengan pelbagai tahap aktiviti pembinaan.

YBhg Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Tapak Pembinaan

6. Kepesatan pembangunan ekonomi yang kian rancak ini sememangnya telah memberikan banyak manfaat kepada semua rakyat Malaysia. Namun demikian, kita juga akui bahawa dengan pelaksanaan projek mega seperti ini sudah semestinya turut akan melibatkan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Salah satu daripadanya ialah peningkatan bahaya atau risiko di tempat kerja akibat daripada keadaan tempat kerja, penggunaan jentera-jentera berat, bahan, peralatan dan proses kerja yang canggih dan pelbagai pada masa kini. Rata-rata pekerja di tapak pembinaan terdedah kepada bahaya atau risiko yang lebih tinggi berbanding dari tempat kerja sektor lain. Di antara bahaya atau risiko yang dihadapi oleh pekerja di tapak pembinaan ialah jatuh dari tempat tinggi, di timpa objek yang sedang di angkat, cedera akibat penggunaan jentera berat dan tajam dan pendedahan dari penggunaan bahan kimia, pendedahan kepada habuk dan bunyi bising. Oleh itu, sudah semestinya aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja perlu dititikberatkan bagi memastikan keselamatan pekerja dan orang awam berada di tahap yang optimum. Memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja juga secara

langsung akan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja yang dilaksanakan.

7. Berdasarkan statistik PERKESO, sehingga September 2016, daripada keseluruhan 31,943 kes kemalangan, sejumlah 2,880 kes adalah melibatkan sektor pembinaan. Daripada jumlah itu 55 kes adalah kemalangan maut. Sektor pembinaan merupakan penyumbang kes kemalangan yang ketiga (3) terbesar di negara kita. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak 9,544 pemeriksaan ke atas projek pembinaan sepanjang tahun 2016. Berdasarkan jumlah tersebut, 12,825 tindakan punitif dan pendakwaan telah diambil bagi majikan yang didapati gagal mematuhi peruntukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sedia ada.

YBhg Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Kemalangan di Tapak Pembinaan

8. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan pelbagai kemalangan melibatkan industri pembinaan. Antaranya ialah kejadian *Pilling Rig* tumbang menghempap kenderaan yang melalui jalan raya menyebabkan kehilangan 2 nyawa pada 4 November 2016 di Jalan Astana, Meru, Selangor. Satu lagi ialah kes blok penyangkut sebuah kren menara jatuh di luar kawasan

pembinaan dan menghempap sebuah kenderaan awam yang berlaku pada Ogos 2016, juga menyebabkan kematian pemandu kenderaan tersebut. Di sini dapat kita lihat, aspek keselamatan dan kesihatan di sektor pembinaan seharusnya diberi keutamaan kerana tapak pembinaan boleh dikategorikan sebagai zon berbahaya bukan sahaja kepada pekerja, tetapi juga orang awam di sekitar atau berhampiran kawasan tersebut. Pembinaan jalan atau pembinaan MRT dan LRT umpamanya, pada kebanyakan masa perlu membenarkan trafik menggunakan jalan atau laluan berhampiran projek tersebut. Kompleks beli-belah atau bangunan awam yang lain pula tidak boleh ditutup apabila sebahagian daripada bangunan-bangunan tersebut menjalani pengubahsuaian. Ini secara tidak langsung menyumbang risiko kemalangan kepada orang awam.

9. Sememangnya tidak dinafikan bahawa kes kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tinggi akan menjejaskan kehilangan tenaga kerja, termasuk tenaga kerja mahir yang terlatih. Ini secara langsung akan memberi kesan tidak baik kepada pembangunan negara. Ramai yang akan terkesan secara langsung atau tidak langsung apabila berlakunya sesuatu kemalangan. Keluarga si mangsa akan kehilangan orang yang disayangi dan sumber pendapatan mereka, pihak kontraktor pula, akan kehilangan pekerja yang terlatih dan terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat projek tergendala, serta peningkatan kos perubatan dan premium insurans. Disamping

itu juga, mereka terpaksa berhadapan dengan pihak berkuasa seperti JKKP jika didapati melanggar peruntukan undang-undang di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 atau Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

YBhg Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Garispanduan CDM

10. Statistik kemalangan yang tinggi di sektor pembinaan, terutama sekali kemalangan maut sangat membimbangkan pihak Kerajaan. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan bagi menangani isu ini oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Salah satu inisiatif yang diambil adalah dengan membangunkan **Pelan Strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Bagi Industri Pembinaan 2016-2020**. Plan strategik ini merupakan pelan holistik yang mendokong **Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan – OSHMP 2020**. Matlamat utama adalah untuk menyusun atur strategi dengan meningkatkan aspek penguatkuasaan di tapak bina, penggubalan standards dan garispanduan selain latihan dan promosi terhadap aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke atas semua peringkat aktiviti pembinaan.

11. Pada hari ini satu lagi inisiatif akan dilaksanakan. Hari ini saya akan melancarkan *Garis panduan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017* di mana ianya adalah langkah dan usaha Kerajaan untuk memastikan setiap pihak berkepentingan menjalankan dan melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Garis panduan ini direncanakan berdasarkan prinsip pencegahan melalui rekabentuk dan pengurusan yang jelas meletakkan tanggungjawab menguruskan risiko di tempat kerja ke atas mereka yang mewujudkan risiko tersebut.

12. Diharapkan semua pihak berkepentingan dapat memahami dan melaksanakan tanggungjawab dan peranan seperti mana yang disarankan di dalam garis panduan ini. Adalah menjadi hasrat saya agar garis panduan ini membantu di dalam meningkatkan pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih baik dan sistematik seterusnya dapat mengurangkan kadar berlakunya kemalangan di tapak pembinaan.

YBhg Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Harapan & Saranan

13. Sebagai mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada semua pihak bekerjasama dan berganding bahu bagi memastikan semua tempat kerja berada dalam keadaan selamat dan sihat.

Dengan usaha yang digembling bersama, saya yakin kita mampu menjadikan Malaysia sebagai tempat kerja yang selamat dan sihat kepada semua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada kepada pihak penganjur Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Putrajaya Holding Sdn. Bhd. dan Sunway Construction Sdn. Bhd. atas jemputan lawatan pada hari ini.

Sekian, terima kasih.